

**SOALAN-SOALAN LAZIM BAGI MENGIMPLIMENTASI LANGKAH-LANGKAH  
INTERIM KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI DALAM MEMBANTU  
SEKTOR SWASTA YANG BERKENAAN TERKESAN DARI COVID-19**

**Pemberian diskaun 15% untuk bil-bil air dan elektrik keatas sektor sasaran termasuk sektor Pelancongan, Hospitaliti (Termasuk hotel dan Lodging house yang berdaftar), Restoran dan Kafe, Pengangkutan Penumpang Udara dan Air (Ayer)**

**1. Apakah dimaksudkan dengan pemberian diskaun sebanyak 15% ke atas bil-bil air dan elektrik?**

Diskaun sebanyak 15% ke atas bil air dan elektrik akan diberikan kepada syarikat-syarikat, yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, dalam sektor-sektor sasaran.

**2. Apakah objektif pemberian diskaun ini?**

Langkah ini adalah untuk mengurangkan bebanan terhadap kos operasi syarikat dalam sektor yang dimaksudkan semasa penularan wabak COVID-19.

**3. Siapakah yang berkelayakan?**

Syarikat-syarikat yang berkelayakan hendaklah menepati kesemua kriteria-kriteria berikut:-

- 3.1 Syarikat adalah berdaftar di bawah Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan (ROCBN) melalui Akta Nama-Nama Perniagaan (Penggagal 92) atau Akta Syarikat-Syarikat (Penggagal 39);
- 3.2 Perusahaan adalah termasuk dalam sektor sasaran iaitu:-
  - 3.2.1 Pelancongan;
  - 3.2.2 Hospitaliti;
  - 3.2.3 Restoran dan Kafe;
  - 3.2.4 Pengangkutan Penumpang Udara; dan
  - 3.2.5 Pengangkutan Penumpang Air (Ayer).
- 3.3 Syarikat atau perusahaan yang pada masa ini membayar bil elektrik atau air (ayer) **pada tarif komersial**; dan
- 3.4 Akaun air dan elektrik hendaklah berdaftar di bawah nama syarikat tersebut.

## SOALAN-SOALAN LAZIM BAGI MENGIMPLIMENTASI LANGKAH-LANGKAH INTERIM KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI DALAM MEMBANTU SEKTOR SWASTA YANG BERKENAAN TERKESAN DARI COVID-19

### 4. Apakah proses permohonan diskaun untuk bil air dan dokumen yang diperlukan?

Borang permohonan dapat dimuat turun dari laman sesawang Jabatan Kerja Raya [www.pwd.gov.bn](http://www.pwd.gov.bn). Syarikat-syarikat yang memenuhi syarat-syarat kelayakan adalah untuk melengkapkan dan menghadapkan borang permohonan yang ditandatangani ke Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya, Jalan Tasek Lama pada bila-bila masa mulai 1 April 2020 hingga 31 Disember 2020. Setelah penelitian lanjut dan mendapat kebenaran dari Jabatan Kerja Raya, penyelarasan bil air akan dilaksanakan bagi tempoh 6 bulan tersebut selepas 30 September 2020 nanti. Bil berkenaan akan dihadapkan melalui emel kepada syarikat-syarikat yang berkelayakan.

Dokumen-dokumen yang diperlukan adalah borang Jabatan Kerja Raya yang lengkap diisi, salinan kad pengenalan pemilik/pengurus syarikat yang ditandatangani, dan salinan sijil pendaftaran syarikat bilangan 16, 17 atau Form X.

### 5. Apakah proses permohonan diskaun untuk bil elektrik dan dokumen yang diperlukan?

Bagi diskaun bil elektrik, Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan mengenalpasti dan seterusnya memaklumkan kepada syarikat-syarikat yang layak menerima diskaun tersebut.

Bagi pelanggan meter postpaid, Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan terus melaksanakan pembacaan meter, dan diskaun akan diberikan secara automatik kepada bil elektrik semasa tempoh enam bulan tersebut. Manakala, bagi pelanggan yang menggunakan meter prepaid, insentif (setiap pembelian mendapat 15% tambahan kredit) akan diberikan secara automatik, iaitu semasa pelanggan membeli token meter prepaid melalui atas talian (*online*) dan *Cash Deposit Machine (CDM)* **sahaja**. Pelanggan yang **membeli token prepaid melalui kaunter** tidak akan menerima insentif ini.

Kaedah pembelian token meter prepaid melalui atas talian (*online*) yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

5.1 POWERkad

5.2 POWERinstant *channels* melalui:

5.2.1 DST Easi *Premium SMS*;

5.2.2 DSTIncomm *uPOS Counters*;

**SOALAN-SOALAN LAZIM BAGI MENGIMPLIMENTASI LANGKAH-LANGKAH  
INTERIM KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI DALAM MEMBANTU  
SEKTOR SWASTA YANG BERKENAAN TERKESAN DARI COVID-19**

- 5.2.3 Laman sesawang DSTIncomm;
- 5.2.4 BIBD (aplikasi mobile dan *internet banking*);
- 5.2.5 Baiduri Bank (aplikasi mobile dan *internet banking*);
- 5.2.6 TAIB (aplikasi mobile);
- 5.2.7 MyBillPayment (aplikasi mobile dan *internet*); dan
- 5.2.8 PayExpress POS (65 *Merchants*).

**6. Berapa lamakah tempoh diskaun akan diberikan?**

Diskaun sebanyak 15% akan diberikan bagi tempoh 6 bulan mulai 1 April 2020 hingga 30 September 2020.

**7. Adakah diskaun bil air turut diberikan kepada syarikat-syarikat yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan tetapi mempunyai tunggakan bil?**

Ya. Diskaun bil air akan diberikan kepada semua syarikat-syarikat yang memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

**8. Adakah diskaun bil elektrik turut diberikan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai tunggakan bil?**

Ya. Diskaun akan diberikan kepada syarikat-syarikat yang termasuk dalam sektor sasaran dan telah memenuhi persyaratan dan berkelayakan. Walaubagaimanapun syarikat-syarikat adalah digalakkan membayar bil elektrik yang telah diberikan kemudahan diskaun secara penuh bagi mengelakkan daripada tunggakan bil elektrik meningkat.

Mana-mana syarikat-syarikat yang mempunyai tunggakan bil elektrik yang belum membuat apa jua perjanjian pembayaran tunggakan secara ansuran adalah disarankan berbuat demikian bagi apa jua pengurusan selanjutnya di Tingkat Dua, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas atau mana-mana cawangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik yang berdekatan.

**9. Di manakah untuk membuat pertanyaan lanjut mengenai perkara ini?**

Soalan-soalan lanjut bolehlah ditujukan ke:

- 9.1 Jabatan Kerja Raya melalui emel [pro@pwd.gov.bn](mailto:pro@pwd.gov.bn) atau [watercustomersvs@pwd.gov.bn](mailto:watercustomersvs@pwd.gov.bn) bagi diskaun bil air; dan

**SOALAN-SOALAN LAZIM BAGI MENGIMPLIMENTASI LANGKAH-LANGKAH  
INTERIM KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI DALAM MEMBANTU  
SEKTOR SWASTA YANG BERKENAAN TERKESAN DARI COVID-19**

- 9.2 Jabatan Perkhidmatan Elektrik di talian 2387000 ext 303 (pelanggan postpaid) atau 2387000 ext 305 (pelanggan prepaid) atau emel [des.hasil@des.gov.bn](mailto:des.hasil@des.gov.bn).